

Usahawan Dituntut Beretika Dalam Aktiviti Keusahawanan

Secara normatifnya, menurut K. Berthen dalam penulisannya 'Etika dan Moral', beliau menukarkan bahawa etika adalah satu tradisi disiplin ilmu yang berkembang sejajar dengan perkembangan peradaban manusia. Pandangan dari sudut perspektif Islam pula, wahanu telah memberikan panduan asas kepada landasan pembentukan etika manusia. Berdasarkan petunjuk teks al-Qur'an dan al-Sunnah serta sumber perundungan Islam yang lain, ia memberi garis panduan kepada manusia sama ada sesuatu tindakan itu diterima atau sebaliknya. Menurut Islam, setiap tindakan manusia itu bukan sahaja dinilai di dalam dunia tetapi juga akan dihisab di hari akhirat kelak. Sejarah etika telah membuktikan bahawa kedangkalan manusia memahaminya sebagai satu garis panduan etik secara konkret yang berkaitan tingkah laku manusia mengakibatkan pembangunan manusia tidak seimbang. Justeru itu, menurut Sarah dan Broadie dalam 'Ethics with Aristotle' menyatakan bahawa timbulah gejala-gejala yang menyalahi prinsip moral manusia sebagaimana yang dinukilkan oleh sarjana falsafah Yunani seperti Aristotes. Seiring dengan itu juga, etika yang dilihat sebagai obligasi individu bukan sahaja untuk difahami tetapi juga perlu dihayati dalam setiap aspek keperluan manusia. Ini kerana, etika mempunyai kaitan yang rapat dengan tabiat penilaian manusia sama baik, buruk, dicela, diterima atau sebagainya menurut penerimaan norma keagamaan dan penerimaan masyarakat.

Keperluan Etika Dalam Aktiviti Keusahawanan

Dalam konteks keusahawanan, bagi memastikan gelagat tingkah laku dan operasi aktiviti keusahawanan berjalan dengan betul, ia perlu dikawal dengan konsep etika yang berfungsi sebagai prinsip keusahawanan Islam. Berasaskan prinsip ini, seseorang individu usahawan terikat kepada asas agama yang memandu tingkah lakunya dalam berinteraksi sesama manusia dan juga alam. Hal yang demikian disebabkan, etika keusahawanan Islam yang disaduri dengan konsep akhlak akan mendorong manusia kepada keperibadian yang terpuji dan bersikap positif. Atas sifat tersebut, etika keusahawanan Islam sentiasa memotivasi para usahawan melakukan kerja-kerja yang berfaedah dan tidak bertentangan peraturan dan norma hidup masyarakat selagi mana tidak bercanggah dengan ketentuan syariah. Sebagai contoh, etika keusahawanan Islam sentiasa menitikberatkan peningkatan produktiviti, kualiti, semangat bekerjasama, berdaya-saing, bersikap kreatif, prihatin terhadap masalah pekerja, berakhhlak, tolong-menolong dan pelbagai lagi nilai yang positif.


Berdasarkan kepada mekanisme etika ini, penilaian baik atau buruk bukan sahaja dilihat kepada tindakan tersebut secara zahir tetapi ia juga turut mencakupi kepada kesan, akibat dan hasil perbuatan tersebut. Dengan kata lain, sesuatu tindakan yang mematuhi etika dapat difahami apabila natijah daripada kesan perbuatan tersebut menghasilkan manfaat kepada agama, diri dan masyarakat. Jika sebaliknya, perbuatan dan tindakan yang dilakukan tersebut dianggap bertentangan dengan etika yang digariskan. Oleh yang demikian, pematuhan kepada kodifikasi kod etika ini secara tidak langsung dapat menyemai dan menyuburkan nilai dan budaya keusahawanan yang positif dalam kalangan usahawan. Malah Muhammad al-Sayyid Yusuf dalam 'Manhaj al-Qur'an fi Islah al-Mujtama' menjelaskan bahawa Islam memberi penekanan yang besar terhadap persoalan etika yang berpaksikan akhlak. Difusi etika dalam pembangunan kehidupan insan adalah merupakan entiti yang penting dalam mencorakkan kerangka hidup insan yang komprehensif.

Dalam hal ini, etika yang membentuk prinsip keusahawanan bukan sahaja berfungsi sebagai garis panduan umum kepada para usahawan dalam amalan mereka bahkan secara implisitnya, ia juga bertujuan meletakkan usahawan pada tahap yang bermaruah dan keimanan yang tinggi terhadap Allah S.W.T. Ironinya, keusahawanan Islam yang berakarumbikan daripada nilai-nilai rohaniah yang suci akan mendorong para usahawan untuk lebih dekat dengan PenciptaNya. Dengan cara ini, para usahawan akan lebih beretika dan mengutamakan akauntabiliti serta berintegriti dalam setiap aktiviti yang diusahakan. Ini kerana, kepatuhan kepada etika ini bukan sahaja didorong oleh kemahuan individu tersebut tetapi juga turut disokong oleh faktor keyakinan dan keimanan yang tinggi terhadap Allah S.W.T. Ini kerana, kesedaran yang tercetus ini berdasarkan kepada keyakinan konsep pembalasan daripada Allah S.W.T.

Dalam pada itu, al-Qur'an memberi penekanan kepada manusia beretika dalam melakukan sesuatu perkara. Kenyataan ini dapat dilihat melalui firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia." (al-Qalam:4)

Berdasarkan peruntukan ayat al-Qur'an tersebut, dalam surah al-Qalam, Ibn Kathir dalam 'Tafsirnya Ibn Kathir' memperincikan bahawa Allah S.W.T memuji Baginda S.A.W kerana ketinggian akhlak yang dimilikinya. Sifat hati budi yang dimiliki oleh Baginda S.A.W seperti berakhhlak mulia, bersopan santun, memandu



"Tidak berganjak kedua kaki seorang hamba pada hari qiamat sehingga ia disoal tentang umurnya pada perkara apakah ia habiskan, dan tentang ilmunya untuk apakah ia gunakan, dan tentang harta bendanya dari manakah ia perolehi dan pada apakah ia belanjakan, dan juga tentang tubuh badannya pada perkara apakah ia susutkan kemudian dan kecergasannya." (Al-Tirmidhi)

Manusia ke arah kehidupan yang lebih beradab menyebabkan Baginda menjadi model dalam sejarah kehidupan manusia yang luhur. Beliau memetik satu riwayat dalam mentafsirkan ayat tersebut:

"Saad bin Hisham datang kepada Siti A`ishah R.A dan bertanya, "Ceritakan kepadaku bagaimana akhlak Rasulullah S.A.W.? Maka jawab A`ishah, iAkhlak Nabi S.A.W adalah al-Qur'an, apakah anda tidak membaca ayat: Sesungguhnya engkau berakhlek luhur, berbudi tinggi, iaitu selalu menurut dan melaksanakan tuntutan al-Qur'an dan tidak melakukan apa yang dilarang. Di samping sifat-sifat yang lain seperti malu, murah hati, dermawan, berani dan sopan santun.î

Sehubungan dengan itu, prinsip etika dalam keusahawanan juga membawa pengertian bahawa setiap perlakuan individu di bawah pengawasan Allah S.W.T. Kenyataan ini digarap melalui keterangan Nabi S.A.W maksudnya:

"Humaid bin Mas`adah menceritakan kepada kami, Husain bin Numair Abu Muhsan menceritakan kepada kami, Husain bin Qais Ar-Rahabi memberitahukan kepada kami, Ata' bin Abi Rabah memberitahukan kepada kami dari Ibnu 'Umar dari Ibnu Mas'ud dari Nabi SAW bersabda yang bermaksud :

"Tidak berganjak kedua kaki seorang hamba pada hari qiamat sehingga ia disoal tentang umurnya pada perkara apakah ia habiskan, dan tentang ilmunya untuk apakah ia gunakan, dan tentang harta bendanya dari manakah ia perolehi dan pada apakah ia belanjakan, dan juga tentang tubuh badannya pada perkara apakah ia susutkan kemudian dan kecergasannya." (al-Tirmidhi)

Kesimpulan

Justeru itu, apabila sistem keusahawanan diwarnai dengan prinsip etika yang berteraskan nilai akhlak, ia akan memantapkan sistem ini ke arah sistem keusahawanan yang bersifat holistik. Usahawan yang didik dengan prinsip ini akan lebih bertanggungjawab dan beramanah atas dasar sebagai ibadah. Dengan kepercayaan tersebut sudah pasti jentera pengurusan keusahawanan tersebut akan bersih daripada nilai-nilai yang bertentangan dengan syara` seperti tidak berani menghadapi risiko, tidak berdaya saing, penipuan, pembaziran dan pelbagai lagi. Apa yang menyedihkan akibat daripada perlakuan yang tidak beretika iaitu ia menyumbangkan kemudaratian kepada para pengguna. Bayangkan pengusaha dan peniaga yang beretika tersebut, sanggup mengabaikan tuntutan nilai-nilai murni dan tuntutan keagamaan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Sebagai analoginya, ia boleh diibaratkan sebagai parasit yang mengambil faedah daripada induk yang ditumpangnya. Ingatlah, kekayaan yang diperolehi dengan cara yang sedemikian hanyalah bersifat lahiriah semata-mata danhanya akan merosakkan diri mereka yang terlibat. Kekayaan dan keuntungan yang diperolehi dengan jalan yang sedemikian hanya boleh menggemukkan nafsu serakah manusia semata-mata tetapi mematikan roh dan jiwa.

Dari penjelasan tersebut dapatlah difahami bahawa pengabaian para pengusaha terhadap prinsip-prinsip tersebut ternyata ia boleh memberi implikasi yang negatif terhadap individu tersebut. Pada skala umum yang lain pula ia boleh menjelaskan kemurnian sistem keusahawanan yang ditaja oleh Islam. Dinamika keusahawanan Islam yang diikat dengan prinsip-prinsip yang bersendikan pedoman wahyu akan mencorakkan semangat keusahawanan sentiasa menepati kehendak Ilahi. Di samping itu, kepentingan prinsip-prinsip ini dilihat sebagai satu keperluan asas yang penting untuk memelihara dan mengawal pola tingkahlaku para usahawan dalam domain yang diharuskan oleh syara`.